

Ekonomi MADANI bukan 'kosmetik', perlukan sokongan menyeluruh

Di sebalik kemunculan demam Pilihan Raya Negeri (PRN), Belalang harap rakyat tidak lupa dengan Ekonomi MADANI diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis lalu.

Banyak 'cakap-cakap belakang' berlegar selepas PM melancarkan kerana ekonomi bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia, bermatlamat membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Ada pihak menggelarkan Ekonomi MADANI sebagai 'gula-gula PRN' atau dasar kosmetik bertujuan menutup mulut pengkritik yang mendakwa Kerajaan Perpaduan tidak mempunyai hala tuju jelas perancangan ekonomi tuntas untuk memulihkan negara.

Walau apa pun tohmahan dan kritikan dilemparkan pihak yang sinis serta skeptikal terhadap dasar ekonomi ini, Belalang lihat sekurang-kurangnya kerajaan tidak 'peluk tubuh'.

"Walau apa pun tohmahan dan kritikan dilemparkan pihak yang sinis serta skeptikal terhadap dasar ekonomi ini, Belalang lihat sekurang-kurangnya kerajaan tidak 'peluk tubuh'"

Kalau dilihat rekod kerajaan memerintah sebelum ini pun, sama ada Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan kerajaan gabungan Perikatan Nasional (PN) dan BN, mereka akan mewujudkan dasar ekonomi baharu untuk disesuaikan perkembangan ekonomi semasa dan global.

Hanya setiap dasar diumumkan itu memiliki tajuk, strategi dan pendekatan berbeza, tetapi matlamatnya tetap sama, iaitu untuk kesejahteraan hidup rakyat dan mewujudkan daya tahan kepada ekonomi negara.

Melihat inti pati Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat, tujuh sasaran digariskan itu termasuk menjadi 30 kuasa ekonomi terbesar dunia dilihat satu misi amat mencabar, namun tidak mustahil untuk dilaksanakan.

Belalang lihat ia dasar ekonomi bersifat jangka pendek dan panjang, berorientasikan rakyat dan menarik keyakinan pelabur.

Justeru, semua pihak merangkumi setiap kementerian, agensi, komuniti perniagaan dan perusahaan serta pemegang taruh bertanggungjawab menyokong kerajaan menjayakan sasaran ini sama ada menerusi tekad politik atau ekonomi.

Lebih penting lagi, Belalang harap tiada lagi krisis politik melanda negara selepas PRN ini bagi membolehkan kerajaan menumpukan usaha pemulihan ekonomi serta mewujudkan kemakmuran untuk bersama.